

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah kos Projek Langat 2 dan sama ada kos ini akan tanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui bayaran "*leasing*" kepada PAAB yang akan menyebabkan tarif air terpaksa dinaikkan secara mendadak.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Jumlah kos bagi projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihannya (LRAL2) dianggarkan sebanyak RM3 billion. Seperti yang telah dipersetujui di bawah skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, pengoperasian LRAL2 akan diserahkan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) setelah ia siap kelak.
2. Air Selangor akan membayar sewa pajakan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi penggunaan aset air tersebut pada kadar yang akan dirundingkan kelak. Dalam memberi persetujuan terhadap skim tersebut, saya percaya Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil kira kesan pembayaran sewa pajakan terhadap tarif air di negeri Selangor dan akan mengambil langkah untuk memastikan tarif air di negeri Selangor tidak membebankan rakyat seperti yang dijanjikan.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM  
[JULAU]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk  
memastikan tiada sesiapa daripada golongan sasaran bantuan kebajikan  
terkeluar dari perkhidmatan yang diperuntukkan kepada mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin, tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan. Menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kerajaan telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada seramai 493,076 orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.542 bilion pada tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014, sehingga Mei, JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM617.6 juta untuk manfaat 459,327 orang penerima.

Bagi memastikan supaya tiada golongan sasar JKM yang layak tidak menerima bantuan, usaha berterusan sentiasa dijalankan untuk memastikan tiada kes yang tercicir atau terpinggir dari tidak mendapat bantuan yang diperlukan. Di antara langkah yang diambil ialah melalui kerjasama dengan pemimpin tempatan, wakil rakyat, Pasukan

Sukarelawan Kebajikan, organisasi atau individu dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dalam mengesan dan merujuk kes-kes yang memerlukan bantuan.

Walau bagaimanapun, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara. Bantuan ini merupakan salah satu bentuk sokongan bagi membantu kumpulan sasaran yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh tertentu. Setiap permohonan bantuan akan disiasat dan diberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan kelayakan dan bukan hak serta tanpa mengira latar belakang kaum, agama, jantina dan fahaman politik. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM juga menyediakan perkhidmatan Talian Nur yang merupakan sebuah *call centre* bersepadu yang menerima pertanyaan, aduan dan permohonan melalui telefon daripada orang ramai. Talian ini boleh dihubungi melalui nombor 15999 yang mula beroperasi pada 14 November

2007. Menerusi Talian Nur, masyarakat dapat menerima atau mendapatkan maklumat berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi dibawah KPWKM. Selain menghubungi talian 15999, orang ramai juga boleh menggunakan perkhidmatan media sosial seperti Facebook, e-mel, SMS dan *webchat* sebagai saluran aduan dan pertanyaan menerusi laman sesawang <http://www.kpwkm.gov.my/social-media> .